

17/01/2005

Kurang papan tanda cacatkan Putrajaya

By Kadir Dikoh

APABILA ditugaskan mengetuai biro Berita Harian di Putrajaya mulai 3 Januari lalu, penulis tidak rasa terasing kerana sudah biasa dengan keadaan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu.

Namun, ini mengembalikan kenangan lima tahun lalu apabila membuat liputan pada hari pertama Tun Dr Mahathir Mohamad memasuki pejabat barunya di situ, 21 Jun 1999 dan kemudian pada hari terakhirnya sebagai Perdana Menteri 31 Oktober 2003.

Pada hari itu juga, Jumaat (31 Oktober 2003), saya bersama bos, Manja Ismail turut membuat liputan penyerahan tugas daripada Dr Mahathir kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima selepas upacara mengangkat sumpah di Istana Negara di Kuala Lumpur.

Proses penyerahan kuasa di Tingkat Lima, Bangunan Perdana Putra itu diadakan dengan penuh tertib dan dianggap paling terancang dalam sejarah politik negara.

Namun, segala-galanya sudah menjadi sejarah. Kini Putrajaya, hasil ilham Dr Mahathir sedang pesat membangun.

Entah bila Dr Mahathir mendapat ilham membangunkan Putrajaya tetapi penulis mendapat tahu, ia bermula apabila beliau meredah kawasan hutan di daerah Sepang itu yang sebelum ini dikenali dengan nama Prang Besar, sambil menunggang kuda, sekitar pertengahan 1980-an.

Pada 2 Jun 1993, Kabinet meluluskan Prang Besar di Sepang, Selangor sebagai tapak bagi pembangunan pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan, dengan empat lagi tapak yang dicadangkan termasuk Janda Baik di Pahang, diketepikan.

Pada 22 Februari 1994, Kabinet meluluskan pelan induk pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan dan pada 12 Oktober 1994, Kabinet memutuskan untuk mengubah nama Prang Besar kepada Putrajaya sebagai menghormati Perdana Menteri Malaysia pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Sesiapa saja yang pergi Putrajaya sekarang, pasti kagum dengan keindahan persekitarannya - daripada reka bentuk bangunan dan jambatan bagi menyeberangi tasik buatan manusia sehingga ke tempat makan serta pusat beli-belah Alamanda.

Malah suasana malam amat menakjubkan, bermandikan cahaya lampu neon dengan reka bentuknya menarik.

"Awak beruntung bertugas di sini kerana Perdana Menteri dan timbalannya serta hampir semua menteri berada di Putrajaya," kata seorang menteri Kabinet.

Kerja di sini kata saya pula, mirip seperti koresponden Rumah Putih di Washington DC iaitu jarang sekali ada kegiatan pada hujung minggu. Dari Isnin hingga Jumaat, setiap hari ada acara menteri atau timbalan menteri tetapi kosong pada Sabtu dan Ahad. Jika ada pun, kegiatan di luar pejabat termasuk membabitkan penduduk setempat.

Apabila berada di Washington tidak berapa lama dulu, seorang koresponden Rumah Putih yang kerap bersama wartawan CNN, John King memberitahu bahawa Presiden Amerika Syarikat tidak mahu mengadakan sebarang acara pada hujung minggu di Rumah Putih kerana semua wartawan yang ditugaskan di situ, tidak bekerja.

Tetapi itu di Amerika tetapi di Putrajaya, Perdana Menteri juga sekali-sekala mengadakan majlis tertentu pada hujung minggu.

"Pejabat biro kami di Putrajaya adalah yang terbesar di luar ibu pejabat

Kuala Lumpur dan amat penting bagi syarikat," kata Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Datuk Hishamuddin Aun ketika memperkenalkan saya kepada beberapa menteri pada kunjungan kami ke pejabat mereka di Putrajaya, baru-baru ini.

Bagi yang sekali-sekala datang ke Putrajaya, boleh menyebabkan mereka sesat kerana kurang papan tanda di persimpangan jalan. Rakan yang kerap datang ke sini juga tersesat.

Jika anda menggunakan bas di kawasan Putrajaya pula, akan lebih menyesatkan.

Satu-satunya bas yang beroperasi di sini adalah Nadi Putra manakala dua syarikat bas lain dari Kuala Lumpur hanya memasuki Presint 1 iaitu lokasi pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan, tetapi tidak dibenarkan melalui kawasan perumahan atau pejabat kerajaan di beberapa presint lain.

Ini menyebabkan pengunjung dari luar Putrajaya terpaksa bertukar bas di Presint 1 jika mahu ke kawasan lain dalam perbandaran yang terkenal dengan landskap sesejuk mata memandangi di seluruh kawasan itu.

Pengguna pengangkutan awam mengalami kesukaran bukan saja kerana terpaksa lama menunggu bas, malah bas Nadi Putra tidak melabelkan laluan, sama ada nama presint atau pejabat kerajaan yang berdekatan.

Bas Nadi Putra hanya dilabel sebagai 100, 200, 300 dan sebagainya.

Selain itu, perhentian bas di Presint 1 atau kawasan lain tidak mempunyai papan tanda atau peta yang menunjukkan laluan bagi setiap bas yang berhenti atau lalu di perhentian terbabit.

Tidak hairan, jika anda berdiri di mana-mana perhentian bas akan menerima pertanyaan daripada pengguna yang mahu menuju ke mana-mana jabatan kerajaan atau kawasan perumahan atau terpaksa bertanya sendiri kepada pemandu bas di situ.

Kita berharap pihak Perbadanan Putrajaya menangani masalah ini kerana kita tidak mahu Putrajaya dilengkapi prasarana kelas pertama tetapi perkhidmatan pengangkutan awam tidak cekap dan bersifat 'kampungan'.

Kini sudah ada pusat beli-belah Alamanda dan di situ letaknya Carrefour, pusat makanan dan minuman serta premis kedai yang menjual pakaian berjenama dan tidak berjenama.

Bagi mereka yang ingin berkelah pada hujung minggu, boleh ke Taman Wetland, Taman Botani dan Taman Putra Perdana yang dibuka kepada orang ramai. Beberapa taman lain dalam pembinaan seperti Taman Warisan Pertanian dan Taman Wawasan, selaras dengan konsep Putrajaya sebagai bandar raya dalam taman.

Tumpuan pembangunan sekarang kepada empat lagi presint penting yang membentuk Kawasan Utama Putrajaya. Bermula dari Presint 2 hingga ke pusat konvensyen di selatan bandar raya ini yang juga dikenali sebagai Boulevard Putrajaya. Boulevard sepanjang 4.2 kilometer ini juga akan menempatkan pejabat kerajaan di kiri kanannya, di samping bangunan komersial.

Pembangunan di Putrajaya memang lebih cepat daripada jadual kerana kerajaan mahu kementerian dan jabatan kerajaan dipindahkan segera ke Putrajaya. Ini adalah matlamat utama Putrajaya diwujudkan supaya semua agensi kerajaan dipusatkan di sini.

Pembangunan dan perkembangan Putrajaya akan terbantut jika pembinaan kompleks untuk menempatkan agensi kerajaan tidak berjalan lancar. Ia akan memberi kesan kepada rancangan kerajaan untuk memindahkan kementerian dan agensi serta menjadikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Negara.

Tujuan pembinaan Putrajaya mengurangkan tekanan dan beban di Kuala Lumpur. Jika pembinaan di Putrajaya mengambil masa lama, tentu matlamatnya tidak sampai.

Namun, dalam usaha mengejar impian itu, kita berharap Perbadanan Putrajaya tidak mengabaikan kepentingan penduduk Putrajaya yang kini melebihi 20,000 orang. Penduduk penting bagi menghidupkan Putrajaya dan

kegiatananya.

(END)